

BH PILIH B8A 20 (emel)

9 universiti sertai *BH 20/12/06* festival teater

S EMBILAN universiti mengambil bahagian dalam Festival Teater Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (Makum) yang kini berlangsung di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM).

Selain tuan rumah, universiti terabit ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Selain itu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) serta Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem).

Festival tujuh hari mulai kelmarin itu menyaksikan kumpulan UM mementaskan teater menarik bertajuk *Pengganti Zen* dan *Protes* oleh UPM, semalam.

Ia diikuti teater *Bonang* (Kuktem) dan *Pandirnya Si Pandir* (UPSI), hari ini, manakala *Kalut* (UiTM) dan *Semandin* (Kustem) pula esok.

Pada Jumaat, kumpulan UTM akan mempersembahkan teater *Si Bereng Bereng* dan UMS (*Rekaan Utama*).